

# SEKATA

---

JURNAL PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN BAHASA

---

JILID 10  
BILANGAN 1

ISSN 0217-4627  
ZULHIJAH 1412

- BAHASA MELAYU:  
PEMIKIRAN BANGSA MELAYU
- KADEAH MENGGUNAKAN BUKU  
BESAR DALAM PENGAJARAN  
BAHASA
- TANGGAPAN ANTOLOGI  
TITIS TINTA  
[Karya Yatiman Yusof]
- KESANSENI ANTOLOGI  
TITIS TINTA

JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA  
KEMENTERIAN PENERANGAN & KESENIAN  
SINGAPURA

**JAWATANKUSA  
BAHASA MELAYU  
SINGAPURA**

Pengerusi  
HJ. SIDEK SANIFF

Setiausaha Kehormat  
ALMUDDIN HASHIM

Anggota

YATIMAN YUSOF

HJ. WAN HUSSIN ZOOHRI

HJ. MUHAMMAD ARIFF AHMAD

HJ. SURATMAN MARKASAN

Dr. LIAW YOCK FANG

HAWAZI DAIPI

HASHIM YUSOF

AHMAD THANI AHMAD

HARUN A. GHANI

KASMADI HAJI NASIR

MOHAMED NAIM DAIPI

Drs. MASRAN SABRAN

M. RAMAN DAUD

M. RIDWAN KAMARI

SITI HANIFAH MUSTAPHIA

HADIJAH RAHMAT

**KANDUNGAN**

**Daripada Editor**

**2**

**BAHASA MELAYU:  
PEMIKIRAN BANGSA MELAYU**

- Masuri S. N.

**4**

**KAEDAH MENGGUNAKAN  
BUKU BESAR DALAM  
PENGAJARAN BACAAN**

- H. Kamsiah Hj Abdullah

**19**

**TANGGAPAN ANTOLOGI  
TITIS TINTA**

[Karya Yatiman Yusof]

- Mohd Raman Daud

**35**

**KESANSENI ANTOLOGI  
TITIS TINTA**

- Asmin

**43**

**SIDANG EDITOR**

**SEKATA**

Jilid 10 Bilangan 1 Jun 1992

Zulhijah 1412

Editor

HJ. MUHAMMAD ARIFF AHMAD

Timbalan Ketua Editor

MOHAMED NAIM DAIPI

Editor

HJ. SURATMAN MARKASAN

HARUN A. GHANI

M. RAMAN DAUD

*SEKATA diterbitkan setahun dua kali, tiap-tiap bulan Jun dan Disember oleh Jawatankusa Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Penerangan dan Kesenian Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan meminda setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini tidak semestinya merupakan pendapat Jawatankusa Bahasa Melayu, Singapura dan Sidang Editor. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali dengan syarat mendapat kebenaran daripada Pengerusi JBMS atau Sidang Editor.*

*Surat-surat boleh diajukan kepada:*

*Setiausaha Kehormat  
Jawatankusa Bahasa Melayu Singapura,  
Kementerian Penerangan & Kesenian  
Bangunan PSA, Tingkat 36,  
460, Alexandra Road,  
Singapura 0511.*

## Ceramah

Rasmi atau tidak, guru mengajar adalah seorang yang penting dalam masyarakat kita. Mereka bukan sahaja penyebarluaskan pengetahuan dan ilmu pengetahuan, mereka juga membentuk karakter dan nilai-nilai moral dan spiritual bagi generasi muda.

Sejak kecil, saya selalu mendengar tentang peranan penting

guru dalam pembangunan negara. Guru-guru yang baik selalu dihormati dan dihargai kerana mereka memberikan pengetahuan dan nilai-nilai moral yang penting.

## **BAHASA MELAYU: PEMIKIRAN BANGSA MELAYU**

(Penerjemahan: Dr. Mohd. Zaini Md. Yusof)

Saya mengucapkan terima kasih atas pengundian yang telah diberikan kepada saya untuk menyampaikan ceramah ini. Saya berharap dapat memberikan maklumat yang bermanfaat dan informatif.

oleh: Masuri S. N.

Saya akan mencuba untuk memberikan maklumat yang akurat dan relevan. Saya berharap maklumat yang diberikan boleh membantu para guru dan orang ramai untuk memahami lebih baik tentang bahasa Melayu dan pemikiran bangsa Melayu.

Saudara Pengurus majlis, cikgu-cikgu sekalian yang dimuliakan,

Apabila saya diminta memberi ceramah oleh cikgu Maaruf Haji Salleh, selaku Presiden Persatuan Guru-Guru Bahasa Melayu, saya terima dengan penuh khidmat serta merasa satu kehormatan, kerana saya belum dilupakan oleh para guru yang memang menjadi kerabat saya, sejak saya mulai mencari makan dengan hasil titik peluh menjadi guru bahasa Melayu, ketika saya berumur 14 tahun 5 bulan. Walaupun saya telah bersara dari menjadi guru lebih 10 tahun yang lalu, akan tetapi semangat dan jiwa saya tetap bersama para guru. Ini tidak dapat saya tanggalkan lagi. Lebih-lebih lagi dalam masyarakat kita "sekali dipanggil cikgu (kependekan dari perkataan encik guru"), maka tetaplah sebutan itu hingga ke akhir hayatnya.

Keadaan ini sebenarnya menyenangkan tetapi sekali gus membebankan kepada seseorang yang pernah menjawat jawatan guru. Menyenangkan kerana ia merasa masih tetap dihargai, walaupun pada hakikatnya ia tidak lagi bertugas dan mengamalkan pekerjaan menjadi guru. Membebankan, kerana walaupun dia tidak lagi secara rasmi menjadi guru, tetapi anggapan dan tanggapan umum kepadanya tetap utuh; iaitu ia harus berperangai contoh; bertingkah-laku contoh dan berwatak sebagai bapak contoh; pemimpin contoh; bahkan seboleh-bolehnya menjadi seorang manusia yang berakhhlak mulia dan terpuji.

Demikianlah saya katakan, sekali menjadi guru - maka dia dipanggil 'cikgu'; dia kenalah sama ada suka atau tidak; sama ada terasa semacam dipaksa dari luar atau dari dalam dirinya, sama ada dengan kerelaan, hati dan wajar ataupun sebaliknya, dia harus menampilkan watak, sifat serta sikap seorang guru contoh di tengah-tengah masyarakatnya dan negara-negara yang terdiri daripada ratusan ribu orang.

Berbalik semula kepada permintaan cikgu Maaruf yang telah saya sanggupi tempoh hari untuk menyampaikan ceramah ini, maka kemudiannya barulah saya menyedari bukanlah mudah. Sebab judulnya berbunyi 'Bahasa Melayu: Pemikiran Bangsa Melayu' kira-kira begitulah itu amat luas dan memerlukan kepakaran yang mendalam.

Bercakap terang di sini, saya bukan ahli bahasa; saya tidak ada authority dalam basa Melayu. Tidak pernah mengikuti kuliah pengajian tinggi secara formal. Apa lagi mengikuti kursus pengajian ilmu linguistik, secara sistematis. Saya jauh bernama sarjana atau gelar apa pun. (Ini bukan rasa *inferiority complex*, tetapi menyatakan keadaan dan fakta sebenarnya mengenai diri saya).

Ya - saya pernah menjadi guru mengajar bahasa Melayu di sekolah rendah dan menengah selama lebih 40 tahun. Saya adalah hasil keluaran guru Melayu yang menghayati karya-karya pendita Za'ba, terutama buku-buku bahasa dan nahunya Pelita Bahasa Melayu, Penggal I, II dan

III. Juga buku 'Ilmu Mengarang Melayu' nya telah saya baca entah berapa puluh kali sejak saya menjadi murid darjah lima Sekolah Melayu Geylang, menjadi guru pelatih, lalu melanjutkan pengajian ke Maktab Perguruan Tanjung Malim. Bahkan hingga sekarang ini pun, bila-bila terasa ada keraguan tentang bahasa dan soal karang-mengarang, saya akan merujuknya untuk mendapatkan kepastiannya.

Boleh dikatakan saya tidak berkeupayaan mengikuti perkembangan bahasa Melayu *contemporary* yang begitu pesat kemajuannya pada hari ini secara mendalam. Saya hanya mampu secara iseng-iseng membaca, tanpa membuat kajian apa-apa. Jelasnya saya mengarang dan menulis sekarang ini bermodalkan ilmu pengetahuan asas yang telah saya pelajari dan hayati sejak 50 tahun yang lalu.....

Kalau bolehlah dikatakan satu-satunya pemberian Ilahi yang saya terima dan teruskan menfaatkan hingga ke hari ini ialah bakat untuk menulis sajak. Itu pun saya sentiasa bermohon kepada Allah semoga saya sentiasa diberi Ilham, yakni gerak hati, petunjuk suci dari-Nya, untuk menulis karya kreatif, lalu menulis sajak-sajak mencari keredaan-Nya... Juga bolehlah dikatakan dengan bahasa dan kesusastraan Melayu, maka saya termasuk belajar sendiri tidak putus-putusnya, yakni membaca dan banyak sekali membaca buku pengetahuan mengenainya; membaca karangan-karangan pengarang-pengarang lain setempat, sewileah dan segera mempunyai. Maka alhamdulillah sedikit sebanyaknya dapat saya manfaatkan dalam penulisan kreatif saya khususnya sajak, juga cerpen, drama dan esei serta kritikan sastera. Walaupun demikian, saya tidak merasa tulisan-tulisan saya itu maha baik dan bernilai. Ini bukan saya yang menentukannya, melainkan para pembaca dan anggota masyarakat kita lah kelak yang memutuskannya....

Demikianlah saya dahului ceramah saya ini. Ertinya fikiran dan pendapat yang akan saya isikan di dalamnya (kalau ada pun) mestilah tidak ilmiah, tidak saintifik. Ia sekadar bertolak dari anggapan dan tanggungan seorang guru mengajar bahasa Melayu seperti cikgu-cikgu

juga sekalian.

Sdr pengerusi majlis dan hadirin hadirat yang berbahagia,

Sebelum masuk terus membicarakan tajuk ceramah berjudul Bahasa Melayu: Pemikiran Bangsa Melayu, izinkanlah saya terlebih dahulu menjelaskan tentang apa yang disebut BAHASA.

Ya - mengapa bahasa sentiasa menjadi pokok persoalan hangat, malah kadang-kadang menjadi panas sejak dari dahulu hingga sekarang baik di mana-mana pun. Lebih-lebih lagi di negara membangun atau negara Dunia Ketiga yang dahulunya ada yang berpuluhan-puluhan, bahkan beratus-ratus tahun terjajah oleh kuasa-kuasa asing. Banyak sebabnya.

(1) BAHASA dalam maknanya yang luas tidak merupakan salah satu cara kita manusia ini berhubungan antara satudengan lain. Malah lebih dari itu.....

BAHASA dapat dikatakan alat terpenting jika dibandingkan dengan alat-alat perhubungan yang lain...

(2) Alat orang berkata: "Kita kerap dapat berhubungan satu sama lain tanpa menggunakan BAHASA". Umurnya jijru jual barang-barang menggunakan alat-alat visual untuk menarik dan mlariskan barang-barang dagangannya. (Menggunakan gambar-gambar, televisyen dan lain-lain.)

(3) Juga kita tidak perlu menggunakan BAHASA. Misalnya kita gerakkan badan kita; mengerutkan dahi/kening; mengangkat bahu; menggelengkan kepala; mengenyitkan mata dan sebagainya.

(4) Oh - ya, kita boleh menggunakan koda (kod) morse: teringkas dan scumparnanya. tetapi kalau kita kaji dengan teliti, ternyata koda morse, teringkas semuanya itu merupakan sistem lambang untuk BAHASA.

SA itu sendiri. Jelasnya, lambang-lambang sistem ini dirujukkan kepada UNIT BAHASA, kemudian barulah diberi penafsiran maknanya.

Sekarang bertanya: apa lagi kepelikan dan keunikian BAHASA dalam kehidupan manusia?

Menurut kajian pakar-pakar ilmu linguistik, BAHASA manusia tidak sama dengan BAHASA haiwan. Kenapa? Kerana bahasa manusia berupaya menggunakan sepenuhnya nilai-nilai bunyi dan makna bah-bahan pengucapannya. Bahasa manusia juga berupaya mengisikan walau sejauh mana pun pengalaman manusia yang dapat dicapainya dari masa ke semasa. (Ini bermakna suatu bangsa yang maju dengan sendirinya bahasanya juga maju [berkembang], akibat pengalaman bangsa itu meluas).

Maka, itu rasanya dapatlah dikatakan di sini bahawa, seluruh struktur sosial manusia disebar-luaskan menerusi BAHASA. Maka rasanya tidak dapat dibayangkan oleh akal fikiran kita, iaitu kita tidak mungkin membentuk satu interaksi sosial yang begitu kompleks sifatnya, jika kita tidak mempunyai ‘Bahasa Pertuturan’ dan kemudiannya ‘Bahasa Persuratan’ untuk kita menggunakan dengan sepenuhnya.

Pendek kata, **BAHASA ITU PUSAT PENGALAMAN MANUSIA**. Dan jika kita ingin memahami proses manusia berhubungan antara satu dengan lainnya, maka terpakalah pula kita kena mengkaji dan meneliti sepenuhnya keupayaan manusia itu sendiri menggunakan bahasa dan nilai tertentu bahasa sehingga membolehkannya (bahasa) memainkan peranan yang begitu besar dalam kehidupan manusia.

Dalam hal ini mungkin kita dapat memulakannya dengan memikirkan sejauh manakah keberhasilan kita berhubungan antara satu sama lain menerusi BAHASA.

Kita dapati pada umumnya manusia itu memiliki kebolehan yang

cukup banyak dan luas pula jangkaunya. Umpamanya: kita tidak pernah tahu apa yang kita perlukan untuk berhubungan, tetapi apabila tiba masanya, kita sebagai seorang pembicara (pemilik bahasa) dengan mudahnya dapat menyatakan apa saja yang hendak kita ucapkan.

Sebagaimana dalam kehidupan manusia yang telah meletak-dudukkan kita dalam situasi di mana keadaan yang serupa tidak mungkin berulang lagi, maka begitu jugalah dengan bahasa. Kenapa? Sebab fakultas bahasa yang kita masing-masing memiliki itu sebenarnya adalah satu fakultas kreativiti linguistik. Hampir semua ayat, wacana (bahasa) yang kita tuturkan (ucapkan) tidak pernah kita bentuk sebelumnya, bahkan mungkin juga tidak pernah pun disusun atau diucapkan oleh sesiapa.... Demikianlah kalau kita mahu terus mendalami soal ini, maka kita dapat berkata bahawa bilangan ayat-ayat yang boleh kita ciptakan dalam bahasa kita tiadalah terpergi banyaknya...

Ya - itulah BAHASA, yang meliputi semua BAHASA... BAHASA telah kita warisi sejak kita lahir sehingga kadang-kadang kita menganggap bahasa yang kita warisi itu akan berkembang begitu sahaja dengan sendirinya secara wajar, tanpa disibuk-sibukkan perkembangannya.

Tetapi keadaan yang sebenarnya tidaklah demikian. Kerana kalau hendak kita fikirkan secara serius, maka kita pun tahu bahawa soal BAHASA bukanlah semudah itu. Sebab walaupun manusia ditakdirkan oleh Tuhan boleh bertutur (berbahasa), namun seseorang manusia itu tidak secara otomatis dan mendadak dapat menguasai BAHASA yang membolehkannya berhubungan dengan orang lain, tanpa mempelajari dan mengkaji BAHASA itu terlebih dahulu.

Ertinya - memang ada perbezaan antara kebolehan semula jadi berjalan dengan kebolehan semula jadi bertutur (berbahasa). Apa beza-nya?

SA itu sendiri. Jelasnya, lambang-lambang sistem ini dirujukkan kepada UNIT BAHASA, kemudian barulah diberi penafsiran maknanya.

Sekarang bertanya: apa lagi kepelikan dan keunikian BAHASA dalam kehidupan manusia?

Menurut kajian pakar-pakar ilmu linguistik, BAHASA manusia tidak sama dengan BAHASA haiwan. Kenapa? Kerana bahasa manusia berupaya menggunakan sepenuhnya nilai-nilai bunyi dan makna bahangan pengucapannya. Bahasa manusia juga berupaya mengisikan walau sejauh mana pun pengalaman manusia yang dapat dicapainya dari masa ke semasa. (Ini bermakna suatu bangsa yang maju dengan sendirinya bahasanya juga maju [berkembang], akibat pengalaman bangsa itu meluas).

Maka itu rasanya dapatlah dikatakan di sini bahawa seluruh struktur sosial manusia disebarluaskan menerusi BAHASA. Maka rasanya tidak dapat dibayangkan oleh akal fikiran kita, iaitu kita tidak mungkin membentuk satu interaksi sosial yang begitu kompleks sifatnya, jika kita tidak mempunyai 'Bahasa Pertuturan' dan kemudiannya 'Bahasa Persuratan' untuk kita menggunakan dengan sepenuhnya:

Pendek kata, **BAHASA ITU PUSAT PENGALAMAN MANUSIA**. Dan jika kita ingin memahami proses manusia berhubungan antara satu dengan lainnya, maka terpaksalah pula kita kena mengkaji dan meneliti sepenuhnya keupayaan manusia itu sendiri menggunakan bahasa dan nilai tertentu bahasa sehingga membolehkannya (bahasa) memainkan peranan yang begitu besar dalam kehidupan manusia.

Dalam hal ini mungkin kita dapat memulakannya dengan memikirkan sejauh manakah keberhasilan kita berhubungan antara satu sama lain menerusi BAHASA.

Kita dapat pada umumnya manusia itu memiliki kebolehan yang

cukup banyak dan luas pula jangkauannya. Umpamanya: kita tidak pernah tahu apa yang kita perlukan untuk berhubungan, tetapi apabila tiba masanya, kita sebagai seorang pembicara (pemilik bahasa) dengan mudahnya dapat menyatakan apa saja yang hendak kita ucapkan.

Sebagaimana dalam kehidupan manusia yang telah meletakdudukkan kita dalam situasi di mana keadaan yang serupa tidak mungkin berulang lagi, maka begitu jugalah dengan bahasa. Kenapa? Sebab fakultas bahasa yang kita masing-masing memiliki itu sebenarnya adalah satu fakultas kreativiti linguistik. Hampir semua ayat, wacana (bahasa) yang kita tuturkan (ucapkan) tidak pernah kita bentuk sebelumnya, bahkan mungkin juga tidak pernah pun disusun atau diucapkan oleh sesiapa.... Demikianlah kalau kita mahu terus mendalami soal ini, maka kita dapat berkata bahawa bilangan ayat-ayat yang boleh kita ciptakan dalam bahasa kita tiadalah terpergi banyaknya...

Ya - itulah BAHASA, yang meliputi semua BAHASA... BAHASA telah kita warisi sejak kita lahir sehingga kadang-kadang kita menganggap bahasa yang kita warisi itu akan berkembang begitu sahaja dengan sendirinya secara wajar, tanpa disibuk-sibukkan perkembangannya.

Tetapi keadaan yang sebenarnya tidaklah demikian. Kerana kalau hendak kita fikirkan secara serius, maka kita pun tahu bahawa soal BAHASA bukanlah semudah itu. Sebab walaupun manusia ditakdirkan oleh Tuhan boleh bertutur (berbahasa), namun seseorang manusia itu tidak secara otomatis dan mendadak dapat menguasai BAHASA yang membolehkannya berhubungan dengan orang lain, tanpa mempelajari dan mengkaji BAHASA itu terlebih dahulu.

Ertinya - memang ada perbezaan antara kebolehan semula jadi berjalan dengan kebolehan semula jadi bertutur (berbahasa). Apa bezaanya?

Kalau kebolehan semula jadi berjalan itu dapat disebut sebagai fungsi biologi tubuh secara naluri, tapi kebolehan semula jadi berbahasa tidaklah demikian keadaannya. BAHASA merupakan fungsi kebudayaan yang harus di pelajari....

\* \* \*

Sdr pengerusi majlis, cikgu-cikgu sekelian yang saya muliakan,

Kalau tadi saya telah bercakap mengenai Bahasa secara am, yakni meliputi ciri-ciri yang ada pada semua bahasa manusia di alam jagat ini, maka sekarang izinkanlah saya bercakap mengkhusus kepada bahasa Melayu.

Ya - kerap kita dengar kata-kata seperti ‘semua bahasa untuk berhubungan antara sebangsa’, atau yang lebih langsung berbunyi ‘Bahasa Jiwa Bangsa’. Mengapa? Sebab dalam bahasa Melayu tersimpan rahsia Pemikiran budaya, pengalaman dan peradapan bangsa kita sejak dari zaman purba hingga sekarang. Perkara ini tidak boleh dinafikan kebenarannya. Berbagai contoh, bagaimana sikap yang mula-mula diam-bil oleh orang-orang Inggeris ketika bertapak dan akhirnya berjaya menjajah kita? Pegawai-pejawai pentadbir mereka mempelajari dan mengkaji selok-belok bahasa kita semasak-masaknya. Sebab mereka telah siang-siang lagi cukup memahami bahawa di dalam sesuatu bahasa itu terisi gaya, cara hidup, budaya dan adat istiadat sesuatu bangsa. Melalui bahasa terhimpun sifat perangai, tabit, watak dan fikiran serta pemikiran suatu bangsa. Demikianlah “Bahasa Melayu adalah merupakan fikiran dan pemikiran bangsa Melayu”. Demikianlah kita pun tahu akhirnya orang-orang Inggeris dengan segala macam cara dan taktiknya telah berhasil menerusi penguasaan bahasa Melayu untuk menghadapi bangsa Melayu! Mereka tahu JIWA bangsa Melayu. Maka perkara-perkara lain-lain itu senang sahajalah bagi mereka untuk mengatasinya dalam usaha untuk menjajah, bukan sahaja bangsa, negara tetapi yang terlebih dahsyatnya ialah menjajah fikiran dan pemikiran bangsa Melayu!

Dan saya fikir penjajahan fikiran dan pemikiran ini hingga sekarang pun masih ada juga tinggal saki bakinya dalam penghidupan dan kebudayaan kita, walaupun kita telah menjadi bangsa yang merdeka...

Sdr Pengerusi, hadirin dan hadirat yang saya muliakan,

Kita sebagai bangsa Melayu, sebagai guru-guru bahasa Melayu sifat semula jadi kita ialah mencintai bahasa Melayu. Dan berkenaan dengan keupayaan dan kemampuan bahasa Melayu dalam mengungkapkan fikiran dan pemikiran bangsa Melayu memang jelas dan tidak perlu dipersoalkan lagi.

Sejak zaman puntung berasap lagi, yakni ketika masyarakat Melayu belum lagi tahu menulis dan membaca, bahasa Melayu itulah yang merupakan alat perhubungan dan sekali gus wadah pengucapan dan pemikiran bangsa Melayu. Di dalam perbendaharaan bahasa dan sastera Melayu klasik, kita senang-senang menemui bentuk puisi, seperti pantun, syair, gurindam dan seloka. Juga pepatah-petitih yang pada keseluruhannya merupakan hasil pengalaman. pemikiran bangsa Melayu dalam zaman-zaman yang dihadirinya. Kemudian dengan bermulanya ilmu mengenal huruf, ilmu menulis dan membaca, maka bahasa Melayu kita juga turut berkembang mampu mengisikan pengalaman dari fikiran bangsa. Demikianlah kita temui tidak sedikit jumlahnya naskhah-naskhah lama bertulis tangan yang kemudiannya dibukukan karya-karya puisi yang halus seperti karya Hamzah Fansuri dengan “Syair Perahu”, yang hingga sekarang ini pun masih belum selesai dikaji, kerana kedalamannya pemikirannya yang cukup penting dan bermakna. Selain dari itu terdapat banyak buku, kitab, hikayat yang telah ditulis dalam bahasa Melayu sejak berabad-abad yang lalu di Gugusan Pulau-Pulau Melayu. Terdapat buku-buku sejarah, hasil-hasil kesusastraan kita yang tinggi mutunya, seperti Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melayu: kitab-kitab agama Islam: buku tentang adat istiadat raja-raja dan Undang-undang laut dan pelabuhan ditulis dalam bahasa Melayu yang baik. Tidak itu sahaja, bahkan surat-surat perjanjian antara raja-raja Melayu dengan bangsa Penjajah telah

ditulis dalam bahasa Melayu. Tidak syak lagi bahawa pada masa yang lampau, yakni sebelum Alam Melayu dijajah oleh kuasa-kuasa Barat, bahawa Melayu telah menjadi bahasa lingua-franc dan mampu serta berupaya menjadi alat dan wadah pengucapan serta pemikiran bangsa Melayu. Hanya kemudiannya bila alam Melayu dijajah oleh penaklukan kuasa Barat, maka dengan segala helah dan kelicikannya, penajah perlahan-lahan menekankan dasar sistem pelajaran mereka, termasuk penggunaan bahasanya untuk kepentingan dan penerusan penguasaannya. Dan mulai masa itulah bahasa Melayu seolah-olah tidak bermaya dan seolah-olah tidak mampu lagi mengisikan pengalaman, pemikiran bangsa Melayu. Ini satu *fallacy*, yang sengaja diada-adakan oleh pihak penajah supaya bangsa Melayu hilang kepercayaan kepada keupayaan akarnya berbahasa (Melayu) yang merupakan jiwa bangsanya.....

Maka di sini jelaslah hingga sekarang ini pun bahawasanya bahasa Melayu itu selamanya mampu dan tetap merupakan pemikiran bangsa Melayu. Barangkali ada-ada masanya perkembangannya tergugat sehingga agak tersendat-sendat perjalannya, tetapi pada hakikatnya bahasa Melayu tetap dinamik dan terus berkembang. Ia mampu mengisi segala macam ilmu pengetahuan. Ertinya: bukanlah bahasa Melayu itu yang miskin dan tidak berupaya untuk berkembang menjadi bahasa ilmu dalam zaman sains dan teknologi, tetapi terserahlah kepada kemampuan pengguna-penggunanya, yakni kita sendiri....

Sdr Pengerusi Majlis, cikgu-cikgu sekalian yang saya hormati,

Tetapi bagaimana agaknya perkembangan bahasa Melayu di Singapura - katakanlah kira-kira 50 tahun dari sekarang? Menurut kelazimannya, untuk melakar dan membayang-bayangkan keadaan sesuatu itu pada masa yang akan datang, maka kenalah kita melihat keadaannya sekarang.

Pada masa ini, masyarakat kita rata-rata, terutama kalangan remaja dan anak-anak yang sedang menuntut di bangku sekolah sedang giat mempelajari bahasa Inggeris. Mengapa? Bahasa Inggeris penting untuk

ilmu dunia (ilmu pasti; sains teknologi; komputer dan lain-lain). Ini sikap positif. Baik, Pelajarilah semuanya itu sedalam mungkin, setinggi-tingginya akan semua rahsia dunia, untuk hidup lebih selesa dan bermarauh di hari muka.

Tetapi yang harus diawasi ialah kalau kita (ibu-bapa) dan anggota masyarakat Melayu tidak peka dan tidak waspada, maka dalam kegairahan berlumba-lumba hendak menguasai dan meresapi bahasa Inggeris hingga ke tulang som-somnya sekali itu tadi, anak-anak kita yang masih mentah jiwa dan pemikirannya akan tenggelam oleh pengaruh penggunaan bahasa Inggeris. Dengan perkataan lain, anak-anak kita yang masih rebung lagi itu, yang sepatutnya mempelajari dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai alat luaran untuk menguasai pelajaran ilmu pasti, sains, teknologi, komputer dan segala macam cabang ilmu moden itu ruparupanya telah berubah pemikiran dan jiwanya ke dalam bahasa dan budaya Inggeris (BARAT)! Maka apa yang terjadi ialah: seorang anak Melayu yang sama ada ia sedar atau tidak telah mengikut:-

- (1) cara makan/minum orang Barat
- (2) cara berpakaian Barat
- (3) cara bercakap/mengucap perasaan dan fikiran Barat
- (4) cara kesenian/muzik, lagu, nyanyian Barat
- (5) cara bacaan/sastera; pengarang; penulis Barat
- (6) cara tidur, adat perkahwinan Barat

Dan akhirnya mengikut cara hidup orang Barat.

Perkara inilah yang harus kita fikirkan masak-masak. Bukan soal sekadar penggunaan bahasa, tetapi juga termasuk soal-soal sampingannya yang lebih teruk dan banyak kesannya kepada seluruh jiwa dan kehidupan orang Melayu seluruhnya.

Ya - mengapa perkara yang baru saya sebutkan tadi mungkin berlaku? Ini semua saya fikir bermula kerana kita kurang atau tidak kuat

AKAR (root) kita sendiri. Itulah BAHASA IBUNDA. Yakni tentulah BAHASA MELAYU. Tetapi kenapa kita mengambil ringan sahaja terhadap bahasa kita?

Kata orang "Bahasa Melayu kan bahasa Warisan kita, tradisi kita, identiti kita. Sudah terjamin. Apakah yang hendak disibuk-sibukkan? Tetapi betulkah begitu keadaannya???"

Seperti yang telah saya katakan awal-awal tadi dalam ceramah saya ini, saya fikir dalam perkara ini ada kesalah-fahaman kita mengenai bahasa. Atau boleh kita katakan kekeliruan pemikiran mengenainya. Kita fikir bahasa itu suatu benda yang baku, kaku, atasis dan tidak bergerak. Pada hal kalau kita kaji sedikit sahaja mengenai bahasa Melayu, maka jelaslah ia merupakan suatu perkara yang hidup sejak zaman berzaman dan hingga sekarang pun bahasa kita bergerak cukup cergas, segar dan penuh dinamik. Kenapa? Cuba kita kaji sejarah perkembangan bahasa kita. Tidakkah di dalamnya berisi berbagai-bagai fikiran yang berasal dari tamadun Hindu, Farsi, Islam dan Barat? Ini bermakna bahasa Melayu bukanlah suatu benda (objek) yang beku, malah ia terus berkembang sejajar dengan perkembangan pemikiran bangsa Melayu itu sendiri dalam pengertian yang seluas-luasnya.

Kekeliruan kita, ialah bila kita memutuskan bahawa bahasa Melayu itu tidak perlu lagi diusahakan perkembangannya untuk pengekalannya. Kerana kononnya itu adalah warisan. Sudah ada mengalir dalam darah daging kita! Saya bertanya betulkah anggapan ini? Warisan dalam pengertian apa? Bahasa bukan boleh diwarisi, tanpa dipelajari dan dikaji. Ini kenyataan. Bahasa kita mesti dipelajari, dikaji selok-beloknya, tatabahasanya dan segala macamnya. Barulah bahasa itu hidup berjiwa dan dapat kita angkat mertabatnya dari masa ke semasa. Ya - sebagaimana bangsa Melayu masih wujud, hidup dan bergerak dengan cita-cita serta perjuangannya ke arah yang lebih baik dan berjaya, maka bahasa Melayu sewajarnya turut berkembang dengan segala keupayaan, kemungkinan dan dinamiknya. Tetapi bagaimana dengan perkembangannya sekarang

di Singapura? Apakah sejarah dengan kemajuan hidup bangsa Melayu di sini, terutama mengenai keupayaannya mengisi pemikiran bangsa Melayu?

Saya fikir ada beberapa sebab yang biasa diberi dan lumrah diterima, iaitu bahasa Melayu kita di sini pada masa ini mengalami kelembapannya. Antaranya dikatakan:-

(1) Tidak mempunyai nilai ekonomi; ertiinya dengan mengandalkan bahasa Melayu setinggi mana pun pengetahuan seseorang itu akan tidak ke mana pencapaiannya.

(2) Tidak mempunyai nilai sosial; ertiinya bercakap Melayu dalam pergaulan masyarakat berbilang bangsa dirasakan merendahkan mertabat; takut dianggap kurang terpelajar dan sebagainya. Memang ada banyak lagi sebabnya yang boleh dicari dan dikemukakan, tetapi memadai dengan dua sebab ini sudah cukup untuk menawarkan hati orang-orang kita yang mahu mengambil peduli dengan sungguh-sungguh mengenai perkembangan bahasa Melayu.

Jikalau keadaan begini berterusan, maka ada kemungkinan bahasa Melayu di Singapura akan jadi seperti bahasa-bahasa Sanskerit atau Latin, yakni tinggal nama sahaja; ada bahasanya tetapi tidak ada orang yang menggunakan sebagai suatu bahasa yang hidup.

Tetapi saya yakin kita semua orang Melayu di Singapura tidak ingin melihat bahasanya hapus dari bumi Singapura.

Sdr Pengerusi, hadirin dan hadirat yang saya hormati,

Sering dikatakan bahawa keperluan yang medesak untuk kita dan generasi muda serta anak-anak kita melipatgandakan mempelajari serta menguasai sepenuhnya penggunaan bahasa Inggeris menyebabkan bahasa Melayu kita dilecehkan perkembangannya. Saya tidak berfikir demikian.

Adapun yang menyebabkan kita berfikir dan bertanggapan demikian, ialah kerana sikap kita tidak betul dalam menghadapinya,

Pertama: soal sikap. Biar bahasa apa pun kita pelajari (Inggeris, Jepun, Jerman, Prancis dan lain-lain), yang terutama dan terpenting ialah tentukan sikap kita, iaitu ‘kita tetap kita’! Kita berbangsa Melayu (tidak boleh ditukar-tukar jadi bangsa Inggeris, Jepun atau apa sahaja bangsanya). Rata-rata kita semua telah sedia memeluk agama Islam yang memiliki cara hidup berdasarkan akidah Islam, yang mempunyai akar (bahasa) yang telah mengakar sejak beberapa waktu yang lalu. Inilah perkara pokok yang mesti diperkuuh dalam jiwa anak muda, anak-anak cucu kita hingga bila-bila masa pun... Ini kenyataan. Sikap ini perlu ada. Kalau tidak - maka dalam tempoh 50 tahun, keadaan masyarakat Melayu/Islam mungkin akan hilang identitinya kerana kederasan penyerapan kehidupan zaman sains dan *hi-tech* menerusi penggunaan bahasa Inggeris yang menjadi *pivot* mencorakkan seluruh kehidupan kita.

Soalnya sekarang: Apakah tidak mungkin kita menguasai ilmu sains dan teknologi, ilmu komputer menerusi bahasa Inggeris, tetapi pada masa yang sama ‘kita tetap kita’, yakni kita dapat mempertahankan diri kita sebagai bangsa yang berwibawa dan mempunyai AKAR yang MENGAKAR terus makin mencengkam, hingga tidak boleh dicabut-cabut lagi....

Soalnya sekarang: Apakah kerana kita sedang berlumba-lumba menguasai ilmu sains dan teknologi dan segala macam ilmu pengetahuan moden melalui bahasa Inggeris menyebabkan sampai kita membelakangkan nilai-nilai murni, asal-usul kita sebagai bangsa Melayu beragama Islam yang memang sedia semula jadi memiliki bahasa Ibundanya, iaitu bahasa Melayu, yang merupakan pemikiran bangsa Melayu, yang juga menjadi lingua franca 100 juta lebih umat manusia di alam Melayu?

Saya fikir inilah perkaranya yang harus kita fikirkan bersama

secara serius.

Kedua; Soal sikap juga. Cikgu-cikguh tenaga penggerak untuk re-generasi manusia-manusia Melayu masa depan mengusahakan bahasa Melayu sebagai wadah fikiran, pemikiran berbagai ilmu pengetahuan secara berterusan. Bagaimana ini bisa tercapai?

(1) Jangan berfikir negatif. Ini membawa kepada putus-asa, lalu membiarkan keadaan berlalu begitu sahaja. Ini sikap fatalistik yang merugikan. Sebagai guru kita harus mempergiat usaha kita dengan apa cara yang paling terupaya untuk memberikan sumbangan semaksimal mungkin dan secara praktikal terhadap setiap usaha yang bertujuan untuk mengembangkan bahasa Melayu di negara kita.

(2) Ketika mengajar bahasa Melayu kepada murid-murid, biar pun kita terpaksa realistik terhadap keadaan hidup di Singapura, namun yang penting ialah menamakan sikap mereka tentang pentingnya AKAR bahasa sebagai jiwa bangsa.

(3) Jangan merasa kecil diri tentang perkembangan bahasa Melayu di Singapura. Lihat ke sekitaran. Malaysia, Indonesia dan Brunei adalah negara-negara jiran kita yang sedang memantapkan pengakaran dan penggunaan bahasa Melayu ke arah cemerlang. (Kita di sini banyak boleh mengambil contoh: bertukar-tukar pendapat untuk mengiatkan lagi pembelajaran bahasa Melayu secara positif dan bermanfaat. Ertinya bukan semata-mata cemerlang dalam peperiksaan, tetapi yang terlebih utamanya ialah menjadikan bahasa Melayu itu sebagai teras, pemikiran, identitinya bila anak-anak kita menjadi dewasa. Walaupun ia menjadi jurutera, doktor, peguam, ahli perniagaan, politikus, saintis yang bertaraf antarabangsa, tetapi cintanya terhadap akarnya (bahasa ibundanya) tetap tertanam di dalam sanubarinya dan berterusan hingga bila-bila masa pun.

**KESIMPULANNYA:** Hendaknya anak-anak, para pelajar di bawah asuhan cikgu-cikgu dan ibu bapa kita tertutamanya, bila dewasa

kelak mereka ini akan merasa bangga kerana mampu berfikir dalam bahasa IBUNDA untuk mengatasi dan menghadapi segala perkara dalam mengharungi penghidupannya. Ertinya: mereka berasa beruntung, kerana biar dalam perkara “APA” dan ‘DIMANA’ mereka berada merekalah seorang anak Melayu/Islam warga negara Singapura. Mereka tidak ‘kehilangan diri’ dan identitinya di tengah-tengah masyarakat abstak.... (*industrial Society*).

Sekian, terima kasih.

### Pendidikan

## **KAEDAH MENGGUNAKAN BUKU BESAR DALAM PENGAJARAN BACAAN**

---

oleh: H. Kamsiah Hj Abdullah

Literasi atau kemahiran membaca dan menulis merupakan satu kemahiran asas yang mesti dipelajari - bukan sesuatu kepandaian yang dikuasai secara semula jadi. Kita jangan lupa bahawa membaca dan menulis hanya menjadi perkara biasa di seluruh dunia hanya pada kurun ke-dua puluh ini sahaja. Sehingga kini pun masih ramai lagi penduduk dunia yang masih lagi dalam ‘kegelapan’ atau ‘buta huruf’. Di Eropah sendiri - tempat bermulanya ledakan ilmu zaman moden ini, hanya sebahagian kecil dari masyarakat mereka iaitu golongan aristokrat yang mengamalkan budaya membaca. Pada masa itu, Masyarakat Melayu juga mengalami proses yang lebih-kurang sama dalam memantapkan pengalaman budaya membaca ini di kalangan ahli masyarakat. Daripada zaman mengaji atau membaca Al-Quran membaca dan menulis (dalam tulisan Jawi) dengan kaedah mengajar secara tradisional berserta disiplin yang ketat sehinggalah budaya membaca beransur-ansur kukuh melalui proses membudayakan pembacaan melalui jentera persekolahan yang formal.

Pendekatan dan kaedah mengajar dan menulis Melayu dalam tulisan rumi hanyalah merupakan gejala yang penting selepas Perang Dunia Kedua walaupun asas perkaedah telah ditanam lalu sistemnya diamalkan sebelum perang lagi di seluruh sekolah-sekolah Melayu di Singapura dan Tanah Melayu. Pada masa itu fokus utama persekolahan di peringkat sekolah rendah ialah 3R atau 3M - membaca, Menulis dan Mengira. Walaupun matlamat persekolahan dan pembelajaran di sekolah, telah melalui berbagai nagai perubahan dan perkembangan selaras dengan perubahan dan perkembangan politik dan pendidikan, namun asas memperingkan 3M masih wujud dan dipertahankan.

Dalam bidang pengajaran bacaan di Singapura (sekurang-kurangnya) terdapat tiga jenis pendekatan atau kaedah yang diamalkan di sekolah-sekolah iaitu

- kaedah abjad
- kaedah fonik, dan
- kaedah seluruh perkataan

Jika diteliti dari kaca mata yang kritikal kaedah-kaedah tersebut hanyalah merupakan satu strategi mengajar murid-murid mengenal huruf atau mengeja (*word-recognition* atau *word-attach skill*), secara yang sempit, tidak sampai meliputi kemahiran membaca secara yang menyeluruh, seperti apa yang difahami kini. Konsep bacaan kini bukan sahaja terbatas kepada kemahiran mengenal huruf, mengenai suukata, atau kebolehan menyuarakan tulisan-tulisan dalam buku (membaca nyaring), tetapi telah jauh meliputi aspek-aspek pemahaman teks atau simbol-simbol yang dibaca, aspek-aspek makna dan permaknaan, komunikasi berkesan antara penulis dan pembaca dan juga proses kognitif membaca.

Pendekatan dalam pembacaan ditarafkan sebagai seluruh konteks dan persekitaran di mana pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca digunakan. Ini meliputi perlbagai strategi pembelajaran membaca, media dan saluran serta bahan-bahan bacaan yang digunakan.

Dalam konteks taarifan bacaan yang lebih luas ini kita perlu mengambil kira dan mencari apakah pendekatan bacaan yang paling sesuai dan yang patut dianut oleh guru-guru bahasa Melayu agar sejajar dengan matlamat dan konsep membaca yang kian mendalam dan meluas ini.

Dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu Singapura matlamat membaca dinyatakan sebagai yang diperturunkan ini:

Murid-murid hendaklah boleh:

1. menyebut perkataan dengan betul dan jelas
2. membaca ayat-ayat dan pantun-pantun mudah dengan terang, lancar dan betul alunannya
3. memahami arahan-arahan lebel-lebel dan notis-notis bertulis yang mudah
4. memahami bahan-bahan yang dibaca.

Bagi peringkat Primary 1 matlamat bacaan dinyatakan sebagai:

Bacaan

- perkataan sehari-hari
- ayat-ayat yang beraneka jenis
- pantun kanak-kanak dan teka-teki
- arahan-arahan bertulis
- notis
- cerita-cerita pendek
- dialog-dialog pendek

Panjangnya potongan karangan hendaklah lebih kurang 20-30 perkataan.

Bagi Primary 2 matlamat pelajaran bacaan sama sahaja hanya panjang karangan di tambah kepada 60 perkataan; pertambahan bahan

bacaan ditambah kepada 70 perkataan di peringkat Primary 3 dengan ditambah bahagian pembacaan syair, dan untuk Primary bahan bacaan/ kefahaman panjang potongan karangan ialah 100 perkataan.

Salah satu hal yang tidak dinyatakan ialah pendekatan atau kaedah yang bagaimakah patut digunakan oleh guru dalam mengajar bacaan. Perkara kedua ialah tentang perincian kemahiran-kemahiran membaca yang tidak disenaraikan dengan jelas, misalnya kemahiran mengenal huruf, kemahiran membezakan bunyi, kemahiran mengenal dan meyebut suukata, kemahiran membaca perkataan dan sebagainya.

Walaupun terdapat beberapa kegenjutan dalam komponen ini namun sebahagian besar dari murid-murid di peringkat primary telah dapat menguasai kemahiran membaca berkat usaha guru-guru kita; tetapi ini tidak bermakna bahawa kelakonan murid-murid dalam bacaan tidak boleh diperlakukan melalui pendekatan yang lebih menarik dan berkesan.

### Pendekatan Pengalaman Berbahasa

Saya ingin mengenalkan pendekatan pengalaman berbahasa yang menurunkan kaedah membaca bersama sebagai salah satu daripada kaedah yang boleh digunakan dalam mengajar bacaan khusus dalam bahasa Melayu. Prinsip asas yang dianuti oleh pengemuka pendekatan ini iaitu Holdaway, Lee dan Allen ialah pengajaran membaca dan menulis sepatutnya diadakan secara tidak sengaja. Kanak-kanak mestilah diberi pengalaman yang berupa aktiviti-aktiviti sebenar (authentic) dalam kelas seperti aktiviti memasak, membuat bunga, menyanyi dan sebagainya supaya mereka dapat menghasilkan ‘bahasa’. Perkongsian dan perbincangan tentang pengalaman kanak-kanak yang berbeza-beza itu sangat digalakkan - kadangkala pendedahan atau penyungkilan pengalaman seseorang murid dirintis oleh guru dan hasil dari perbincangan tersebut ditulis oleh murid-murid secara perseorangan atau berkumpulan di kertas

yang lebar dan besar. Gambar-gambar dan ilustrasi dilukis oleh murid untuk menambah nilai estetik atau hiburan pada hasil tulisan tadi. Hasil kerja murid inilah yang menjadi bahan bacaan murid-murid kemudiannya. Dalam proses perakaman pengalaman ini murid-murid dapat memerhatikan pertalian antara pertuturan dengan penulisan dan pembacaan. Perbincangan tentang gambar-gambar dan ilustrasi dan tajuk-tajuk akan membantu murid mempelajari tentang bunyi dan simbol (tulisan), iaitu huruf-huruf, pengulangan perkataan dan makna ayat-ayat. Pada peringkat yang lebih tinggi, kanak-kanak menulis bahan mereka sendiri dan guru hanya mengedit dan memberi beberapa pedoman. Pada peringkat inilah murid-murid tersebut diajar ejaan dan pembinaan kosa kata secara formal - mereka digalakkan membina fail perkataan mereka sendiri dan merakamkan perkataan-perkataan baru yang ditemui dalam kamus yang disusun secara perseorangan. Hanya setelah murid-murid menguasai kemahiran asas membaca dan menulis barulah mereka menggunakan bahan-bahan yang tercetak.

Pengamal pendekatan ini percaya bahawa salah satu dari hasilnya yang paling baik ialah dari segi konsep bacaan yang kukuh berserta kepercayaan tentang kebolehan diri dalam membaca. Patut diperhatikan bahawa dalam beberapa peringkat penekatan juga diberi kepada ayat, perkataan dan huruf-huruf dan padanan bunyi huruf. Perkembangan bergerak dari peringkat egosentrik kepada pembangunan kognitif murid terus kepada minat terhadap orang lain dan dunia yang lebih luas. Program ini menghasilkan kanak-kanak yang seimbang tetapi memerlukan dedikasi seorang guru untuk mengikuti setiap perkembangan murid melalui rakaman rekod kemajuan yang teliti tentang prestasi dalam fonik dan bacaan. Ini amat payah dilakukan jika kelas terlalu besar dan jika murid sendiri kurang mementingkan bacaan dan penulisan sendiri. Bagaimana pula jika murid tidak mahu menggunakan kata-kata baru yang dianggap susah dalam penulisan mereka kerana khuatir untuk meneroka dan lebih selamat dengan susuk ayat atau perkataan yang telah biasa?

## Bacaan kendiri

Ramai pula guru-guru, terutama di Amerika yang cuba pula mengembangkan bacaan kendiri melalui bacaan bebas, bacaan sendiri (peribadi), bacaan pilih-sendir dan bacaan sukarela. Beginilah pelbagai cara murid digalakkan membaca buku-buku dari perpustakaan dan yang menghasilkan sudut membaca dalam kelas. Kemudian muncullah pendekatan bacaan kendiri di mana guru sendiri yang memutuskan untuk memberi bimbingan dalam bacaan secara individu, biasanya kerana merasa kurang senang dengan kaedah-kaedah formal dan ketat dalam penggunaan bahan-bahan atau teks terutama bahan-bahan bacaan yang membosankan dan yang gersang dari segi nilai sastera kanak-kanak yang kreatif.

Prinsip yang terpenting dalam program seperti ini ialah:

- pemilihan buku secara sendiri
- mencari dan meneroka sendiri segala bahan yang relevan pembelajaran mengikut kelajuan sendiri berdasarkan kemampuan
- dan tujuan membaca yang peribadi
- penilaian sendiri tentang matlamat yang ditetapkan
- berkongsi pengalaman dan pandangan yang peribadi.

Susulan dari gerakan seperti inilah timbulnya usaha mengkategorikan sastera kanak-kanak, buku-buku cerita kanak-kanak untuk disesuaikan kepayahan dan isinya dengan peringkat atau darjah murid-murid. Hasil menonjol dari gerakan ini ialah murid-murid bertambah maju hasil dari dorongan dan minat yang datang dari diri sendiri, mereka maju menurut kemampuan/kelajuan sendiri, minat sentiasa bertambah kerana bahan yang dibaca dipilih sendiri. Setiap murid dapat diajar hanya kemahiran yang diperlukan sahaja dan ini membuat mereka sedar tentang kepentingan pengajaran Konferansi guru dengan murid dapat pula membentuk jalinan hubungan yang mesra antara guru dan murid.

## Kaedah Bercerita

Pengalaman yang seronok semasa mendengar cerita terutama dari mulut orang-orang yang tersayang sebelum kemunculan TV dan video telah menjadi tunjang bagi satu kaedah yang popular dalam pendekatan mengajar membaca. Bagi ramai kanak-kanak perkataan yang mula-mula boleh dibaca mereka ialah perkataan pertama yang didapati dari buku cerita yang dibacakan kepada mereka. Dalam kehidupan moden, kesibukan kedua ibu bapa yang bekerja telah membuat sesi bercerita dan membacakan buku cerita sangat jarang dapat dilakukan.

Penerusan dari keseronokan mendengar cerita ini dibawa ke bilik darjah dengan guru membacakan buku-buku cerita kepada murid dan murid-murid menggunakan buku cerita sebagai teks bacaan. Cara ini dianggap paling natural untuk mengajar membaca perkataan. Pembelajaran berlaku melalui asosiasi antara bahan lisan, bertulis dan menghafal, tetapi perkataan-perkataan yang digunakan itu terdapat dalam konteks biasa, maknanya juga telah menjadi boleh menjadi tanda saran bagi mengenal perkataan. Penggunaan tanda saran digalakkan, begitu juga perulangan perkataan. Hanya salah satu dari batasan kaedah ini ialah kurangnya bahan-bahan buku untuk peringkat awal membaca. Cara yang biasa digunakan ialah membaca lagu kanak-kanak yang pendek. Rosen telah menggunakan kaedah ini dengan sedikit variasi - beliau mengenalkan '*unison impress*' di mana guru dan murid membaca nyaring sebuah cerita bersama-sama. Sokongan guru hanya ditiadakan apabila murid telah boleh membaca sendiri. Murid-murid tidak diminta membaca di hadapan kawan-kawan sebelum mereka merasa yakin yang mereka boleh berjaya. Membaca dalam lindungan suara guru dan kawan-kawan lain gembira keyakinan diri dan memberi peluang berlatih dan belajar dalam masa-masa yang kritikal.

Kegiatan membaca dan dibacakan cerita ini memberi beberapa faedah yang jelas:

1. Kanak-kanak yang telah pun mempunyai pengalaman tentang perhubungan makna - tulisan, organisasinya, ciri-cirinya dan bentuk-bentuk bahasanya, akan mendapati bahasa dalam buku semasa membaca sebagai sesuatu yang telah biasa bukan satu bahasa yang asing kerana keformalannya.
2. Melalui cerita jankauan dan pengalaman kanak-kanak dapat diperluas jauh lebih luas dari batasan suasana atau persekitaran rumah atau kampung mereka. Dalam proses ini mereka dapat membina model mental tentang dunia yang luas serta dengan pelbagai kosa kata yang kaya yang membolehkan mereka bercakap tentang perkara-perkara yang luar daripada keadaan biasa. Hasil dari kemahiran ini isi kurikulum tidak akan terbatas pada pengalaman yang dialami sendiri, tetapi pengalaman yang diketahui dari cerita. Keistimewaan ini jelas kelihatan pada kanak-kanak yang banyak membaca cerita dari mereka yang sangat kurang membaca.
3. Cerita mewujudkan punca bercakap ataupun perbincangan yang sangat baik, ia juga memberi semacam pengesahan tentang kegemaran mereka-reka dan bercerita dalam hati yang biasa dilakukan oleh kanak-kanak. Mereka akan menyedari tentang potensi luas bahasa yang simbolik dan kuasanya dalam penciptaan dunia imaginasi melalui perkataan-perkataan yang dilambangkan oleh simbol-simbol yang bebas dari ikatan objek dan peristiwa. Hubungan seperti ini dapat mereka tafsir melalui bahan-bahan yang asing/luar dari pengalaman asal mereka.

Sastera kanak-kanak ialah sumber bahasa dan pengalaman yang amat kaya dan berharga. Ia menimbulkan berbagai bentuk ekspresi yang kreatif - setelah mendengar atau membaca sebuah cerita yang seronok kanak-kanak melakukan berbagai kegiatan yang bersangkutan seperti berlakun, melukis, menulis pantun atau mengarang-ngarang cerita lain yang diilhamkan oleh cerita asal tadi. Oleh itu tidaklah menghairankan jika kaedah ‘banjiran buku’ seperti yang dipelopori oleh Elley di Fiji

kepada kanak-kanak yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, amat berjaya dalam mempertingkat pertembahan kata dan prestasi bahasa Inggeris mereka.

#### **Pendekatan Membaca dan Pemerolehan Bahasa Inggeris (REAP)**

Diilhamkan dari kejayaan pendekatan membaca bersama yang merangkumi bermacam-macam kaedah membaca yang baik, maka pendekatan ini telah diperkenalkan di Singapura dengan penyesuaian-penesuaian tertentu bagi kegunaan setempat. unsur-unsur baru yang lebih teratur dan berstruktur di terapkan dalam program Pembacaan dan pemerolehan bahasa Inggeris (REAP), yang telah pun digunakan di kebanyakan sekolah-sekolah di Singapura.

Ciri-ciri yang terpenting dalam program pemerolehan bahasa yang telah pun menampakkan hasilnya itu ialah:

1. Penggunaan buku-buku yang dibesarkan dalam bilik darjah di samping penempatan buku-buku biasa yang banyak di sudut mebaca setiap darjah.
2. Buku-buku tertulis dalam cetak tulisan yang besar supaya dapat dibaca oleh murid dari jarak yang agak jauh.
3. Unsur hiburan amat ditekankan: isi cerita menarik dan tertulis dalam bahasa yang baik.
4. Terdapat gambar-gambar ilustrasi yang menarik yang membantu pemahaman dan penekanan tentang unsur-unsur yang mustahak dalam cerita.
5. Suasana yang tenteram dan terlindung sengaja diwujudkan dengan pembacaan beramai-ramai bersama-sama guru.

6. Pembelajaran berlaku secara natural dan insidental
7. Aktiviti meramal, berbincang, melukis, menulis, berlakun disertakan.
8. Pengajaran bacaan kaedah fonik tidak diabaikan.
9. Model bacaan yang baik diperlukan.
10. Murid-murid dapat belajar membaca mengikut keupayaan sendiri
11. Mengabung-jalin kesemua kemahiran bahasa - kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

#### **Saranan menggunakan buku besar dalam pengajaran bahasa Melayu**

Walaupun kemahiran membaca dapat dikuasai dengan baik oleh murid-murid di sekolah rendah, tetapi dalam banyak hal pengajaran pembelajaran bahasa Melayu masih dapat dipertingkat. Salah satu dari perkara yang dapat diperbaiki ialah tentang bahan bacaan. Asmah (1975) dalam tinjauannya tentang pengajaran bahasa Melayu menyebut tentang bermacam-macam buku teks BM yang berupa siri-siri belajar bahasa di peringkat rendah yang telah digunakan dari masa ke semasa, seperti Chanai Bacaan, Baja Bacaan, Benih Bacaan; kita juga mengenali buku Sinar Bahasa dan baru-baru ini Sari Bahasa. Buku-buku teks ini semuanya ialah percubaan-percubaan untuk menyediakan bahan mengajar kepada guru-guru bahasa secara menyeluruh, bukan merupakan satu teks khusus untuk mengajar bacaan. Guru tidak seharusnya menggunakan buku-buku bersiri ini sahaja sebagai bahan mengajar bacaan, buku-buku yang berupa cerita, khususnya sastera kanak-kanak seperti cerita rekaan, cerita dongeng tradisional (cerita haiwan, mitos, legenda dan hikayat), dan dongeng moden (alam fantasi, cereka sains), cereka realistik, seperti kisah keluarga, persahabatan, misteri, biografi dan puisi kanak-kanak

patut diperkenalkan untuk menanam minat dan sikap membaca yang positif.

Satu kaedah yang baik diterapkan ialah dengan menggunakan kaedah membaca bersama melalui penggunaan buku-buku yang perbesar di samping menyediakan sekumpulan buku-buku kecil yang biasa untuk darjah. Peringkat yang sesuai untuk menggunakan kaedah ini ialah di peringkat primary satu hingga tiga.

#### **Kewajaran**

Penggunaan kaedah ini tidaklah begitu menyimpang dari matlamat yang dinyatakan dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu bahkan penggunaan kaedah ini akan mempelbagaikan dan menghasilkan pengajaran - pembelajaran bahasa Melayu yang lebih berkesan dan lebih seronok. Penggunaan kaedah ini tidaklah mengetepikan langsung kaedah pengajaran bacaan secara fonik, secara abjad dan suku kata, malahan kaedah membaca bersama dapat digunakan sejajar dengan kaedah-kaedah tersebut.

Ini juga tidak bermakna bahawa buku-buku teks yang sedia ada tidak digunakan lagi, penggunaan buku-buku besar dalam bentuk cerita yang lengkap boleh digunakan sebagai tambahan mengikut nisbah yang disukai oleh guru sendiri berdasarkan kepada kemampuan murid.

Jika ditinjau dari sudut murid-murid sendiri kaedah ini berupaya memenuhi kegemaran murid kepada cerita-cerita yang menarik dan pelbagai, melalui bahasa buku (formal) yang baik, dengan unsur-unsur pilihan sendiri dalam kelajuan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan dan kemahiran masing-masing. Sekitaran pembelajaran dan perlakuan guru boleh dikawal supaya tidak membebankan murid dengan tekanan emosi dan ‘perasaan terpaksa’ semasa belajar, bahkan prioriti utama kaedah ini bukanlah hanya untuk ‘mengajar’ tetapi memberi hiburan. Dijangka pembelajaran akan berlaku dengan lebih berkesan jika

murid-murid berasa gembira, selamat dan terlindung. Bandingkan reaksi murid-murid dalam masa pengajaran yang berpusat kepada teks ataupun perulangan yang kering, membosankan dan tidak mencabar dengan mimik muka mereka yang begitu berseri-seri apabila mendengar cerita yang digemari, misalnya cerita Tuan Puteri dengan Katak.

Kesibukan kedua-dua ibu bapa dan sokongan rumah yang tidak begitu kuat dalam pengajaran bahasa Melayu menyebabkan tanggung-jawab guru amat penting dalam penyaluran nilai-nilai murni yang menjadi tunjang budaya dan identiti kemelayuan. Pendedahan kepada buku-buku sastera kanak-kanak yang baik sebagaimana yang disarankan sekurang-kurangnya akan meyemai dan menyalur nilai-nilai budi, rasa dan identiti daripada terhakis dan pupus ditelan zaman.

Melalui usaha ini juga semangat suka membaca bahan-bahan buku/sastera dapat disemai sejak kecil, moga-moga tabiat ini dapat dilanjutkan hingga ke peringkat yang lebih tinggi atau peringkat dewasa. Dengan itu juga kita dapat membina sokongan yang mantap terhadap sastera Melayu, seperti yang kerap diseru oleh penulis-penulis kita.

Sebelum membentangkan suatu rancangan tindakan yang boleh dibincangkan kemudian, saya rasa elok jika kita senaraikan apakah bentuk pengajaran dan faedah yang boleh disampaikan melalui kaedah ini.

1. Suatu perkongsian pengalaman bersama yang menggembirakan dan yang dapat membina sikap positif terhadap bacaan dan pembelajaran bahasa Melayu.
2. Suatu keadaan di mana semua orang murid dapat melihat, mendengar dan melibatkan diri dalam proses penceritaan:
3. Pengukuhan kemahiran-kemahiran membaca yang akan mem-

bawa kepada kemahiran membaca bebas misalnya gerakan mata dari kiri ke kanan, idea tentang tulisan yang melambangkan bunyi atau pertuturan, pengenalan tentang kosa kata, dan kemahiran meramal jalan cerita atau peristiwa berdasarkan gambar dan cerita.

4. Pendedahan terhadap bahasa buku/bahasa sekolah yang formal yang amat perlu memandangkan kanak-kanak sebelumnya biasa didekahkan kepada bahasa lisan tidak formal di rumah.
5. Peluang untuk berlatih membaca sesuatu yang bermakna.
6. Pendedahan kepada sastera kanak-kanak yang mungkin dapat mengekalkan minat yang tinggi terhadap membaca.
7. Pendedahan dan penerapan nilai-nilai murni dan estetik yang dapat dipelajari daripada cerita-cerita dalam buku.
8. Peluang melakukan berbagai aktiviti kreatif yang terbit dari bahan bacaan seperti berlakun, bermain boneka dari watak-watak cerita, penderitaan semula, teka-teki, menyanyi dan menulis.
9. Suatu peningkatan dan kepelbagaiannya dari program bahasa yang sedia ada.

Matlamat pelajaran menggunakan kaedah ini disampaikan melalui beberapa langkah umum yang boleh dilakukan dalam beberapa waktu seminggu. Langkah-langkah tersebut ialah:

1. Menimbulkan suasana - membaca pantun, syair, sajak atau menyanyi.
2. Memperkenalkan cerita - membincangkan tajuk, kulit buku, watak-watak.

- |                                      |   |
|--------------------------------------|---|
| 3. Pembacaan pertama                 | - guru membaca dan murid mendengar.                         |
| 4. Pembacaan semula                  | - guru membaca bersama-sama murid atau murid-murid membaca. |
| 5. Pengajaran butiran atau kemahiran | - guru mengajarsesuatu kemahiran bahasa yang khusus.        |
| 6. Gerak kerja susulan               | - lakonan, penceritaan semula, dsb.                         |

Pendekatan ini boleh diikuti ataupun diterap dengan penyesuaian-penesuaian tertentu, tetapi tanpa buku-buku sastera kanak-kanak yang bermutu yang boleh diperbesar kaedah ini mungkin tidak dapat dilancarkan terus. Suatu usaha yang gigih untuk mengenal-pasti buku-buku bacaan yang sesuai bagi peringkat-peringkat pembelajaran patut dimulakan di samping mendorong usaha untuk 'membuat', sendiri buku-buku cerita asli kanak-kanak.

Usaha permulaan dalam hal ini telah pun diterokai oleh Unit Bahasa Melayu Institut Pendidikan, dengan penghasilan buku-buku besar oleh pelajar-pelajar dalam program pengkhususan pengajaran BM. Inovasi ini besar kemungkinannya boleh dicuba dan diluaskan oleh guru-guru bahasa Melayu untuk dimanfaatkan kepada pengajaran mereka di sekolah masing-masing.

Dalam lampiran A ada disertakan suatu garis cadangan lakar-kerja dan tahap-tahap yang boleh dilakukan sebelum pendekatan ini dapat dilaksanakan dengan meluas. Perkara ini boleh diperhalusi dan dibincangkan dalam sesi perbengkelan.

## LAMPIRAN A

### LAKARAN RANCANGAN PELAKSANAAN PROGRAM MEMBACA BERSAMA

#### TAHAP 1

1. Mengenal-pasti pakar-pakar, konsultan dan pelaksana.
2. Menubuhkan 3 kumpulan kerja/jawatankuasa.
  - a) Kumpulan yang 'membuat buku besar' (mengarang draf cerita asli atau saduran),
  - b) Kumpulan yang memilih buku-buku sastera kanak-kanak yang sedia ada di pasaran dan mengkategorikannya untuk peringkat persekolahan,
  - c) Kumpulan yang meneliti bagaimana pendekatan dan program Membaca Bersama boleh diterapkan di dalam kurikulum dan sukanan pelajaran BM - khususnya aspek tatabahasa.

#### TAHAP 2

1. Latihan guru
2. Persiapan alatan mengajar, rancangan pengajaran dan buku panduan guru.
3. Pelaksanaan program di beberapa sekolah sebagai projek-rintis.

### **TAHAP 3**

1. Penilaian projek-rintis
2. Maklum-balas dari guru-guru.
3. Penghalusan dan pengubahsuaian bahan


### **TAHAP 4**

1. Pelaksanaan meluas di sekolah-sekolah.
  2. Penyeliaan.
  3. Penilaian dan maklum-balas.
  4. Disseminasi - bengkel, seminar, penerbitan, dll.
- 

#### Rujukan

- Asmah, H.O. (1975), *Essays on Malaysian Linguistics*, Kuala Lumpur: DBP.  
 Elley, W.B. dan Mangubhai (1983). *The Impact of Reading on Second Language Learning*, *Reading research Quarterly*.  
 Goddard, N (1974), *Literacy: Language Experience Approach* London: MacMillan.  
 Movie, Donald, (1983). *Teaching Reading*, Modules 1, 2, 3, Edinburgh: Holmes McGougal.  
 Ng, S.M. (1984), *Reading Acquisition in Singapore*, *Singapore Journal of Education*, 6(2).  
 Coudy, B (1979). *Using Literature with Young Children*, VS: Wm.C. Brown.

### Buku



## **TANGGAPAN ANTOLOGI TITIS TINTA**

[karya Yatiman Yusof]

---

oleh: Mohd Raman Daud

Menyusuri antologi puisi *TITIS TINTA* hampir serupa dengan mengenali watak dan peribadi Yatiman Yusof - berhadapan dengan misi hidupnya, sekitaran dan masyarakatnya.

Kumpulan sajak sulung beliau ini bermula dari 1965 sehingga 1985; selama dua dekad.

Tempoh ini merakamkan kerjayanya sebagai guru, kemudian sebagai mahasiswa di Universiti Singapura (1969-72) kembali menjadi guru dan aktivis masyarakat dan selanjutnya wartawan dan akhirnya editor Berita Harian/Berita minggu (1978-84).

Yatiman seorang yang terus-terang dan keras kemahuannya. Ter-

---

Sempena Majlis Pelancaran Antologi Puisi Titis Tinta, anjuran Badan Kesenian Melayu, 16 Mei 1992, Auditorium Perpustakaan Negara, Cawangan Marine Parade.

dapat semacam sifat rebel atau penentangan dalam dirinya. Hayatilah sajak permulaannya berjudul *KERUNTUHAN*. Isinya dalam keluhan dan rasa kasihan diri (*self-pity*) tetapi diakhiri dengan protes:

*pertanyaan ini kawan  
membunuh tiap timbulnya kesedaran  
dalam hidup jalang  
perebutan bukan rahmat dari Tuhan*

*usah dicita lagi  
ombak damai di perjalanan  
bakal mengusap pertapaan  
manusia yang hidup dengan penyerahan*

Penyataan “jalang” itu mengingatkan kita akan Chairil Anwar, penyajak protes Indonesia yang ulung dengan sajaknya *AKU*.

Sekitaran 1965 ketika Singapura mencapai kemerdekaan dan orang Melayu dalam “kehilangan” mungkin membuat Yatiman begitu pekahingga gatersiat perasaannya, lantas beliau menamaikan sajak *KERUNTUHAN* ini dengan kata-kata:

*hidup adalah api  
yang membakar mati mereka yang berselimut mimpi  
tapi siapa bisa mengerti  
betapa jadinya nanti  
jika hidup-hidup mati  
terus diwarisi*

Yatiman terus menyesali dan memprotes keadaan masyarakatnya sebagaimana terakam *DI PARIT DI DESA DI SIMPANG KOTA* yang memaparkan keadaan ketinggalan dan dikotori kemajuan yang berlaku di Singapura.

Sementara *SKETSA DI ESPLANADE* pula menampilkan keruntuhan moral pada kalangan anak bangsanya yang sudahlah tidak maju, mundur pula tatasusilanya.

Lengkingan suara protes Yatiman yang terkuat dalam antologi ini mungkin pada sajak *AKU*?

*Aku anak zaman apollo  
pembenci peribahasa kuno*

Seterusnya dengan segala ke*AKU*annya, Yatiman melaung jauh:

*hei lebai zaman  
engkau pernah melihat dan mengutuk  
penipuan  
perampukan  
pembunuhan  
pelacuran nilai zaman  
lihat aku  
dengan muka hangus  
rahang terbakar  
dengan gusi robek gigi tumbang  
aku tidak bisa menyanyi  
otak ini menggerik dalam api  
tubuh ini lebur  
asap melangit  
hitam  
merah  
hitam  
aku punah*

Dalam mukadimah kepada antologi ini, Penyajak ternama Singapura, Masuri S N menyifatkan tren sajak-sajak Yatiman ini sebagai suatu proses yang lazimnya dilalui oleh kebanyakan penyajak sewaktu

mudanya. Sukar bagi saya menafikan hakikat ini.

Perihal manusia bobrok moralnya terus mengilhami Yatiman. Sajak-sajaknya dalam hal ini cukup terasa ke sumsum akan protesnya. Bahasanya bersahaja dan mudah difahami tanpa banyak melindungi siratan makna yang mendalam. Gayanya tidak mementingkan rima atau imageri sebagaimana eksperimen kebanyakan penyajak.

Sesungguhnya pada puisi Yatiman yang kelihatan hanyalah lon-taran perasaan dan fikirannya, tetapi ini tidak bermakna puisinya tidak puitis. Cuba selami sajak *SEMAUMU SEMAUKU*.

*kau tidak bisa jadi aku  
kerana di depan kita sebuah persimpangan  
yang kau pilih untukmu  
yang aku pilih untukku*

Sajak *SEMAUMU SEMAUKU* ini mencerminkan ketegasan Yatiman, atau lebih tepat kepala batunya untuk “bersetuju untuk tidak bersetuju”. Kepada siapakah ditujukan sajak ini sehingga Yatiman menggunakan ekata “firman” untuk menunjukkan betapa hebatnya pengaruh orang yang mahu ditantangnya itu?

“Anti establishment” Yatiman juga terpapar dalam sajak-sajak *BONEKA DI BELAKANG* dan *DALANG-DALANG* yang berakhir dengan satu pertanyaan yang mencengkam:

*tapi kau dalang  
(dan suaranya menggemarkan pekikanmu)  
putihkah hatinya*

Konsep wayang kulit dalam politik memang sudah menjadi bahan di rantau sebelah sini. Dalam *DALANG-DALANG*, Yatiman seolah-olah melihat betapa kerdilnya manusia ini. Kalau sajak ini ditujukan

kepada masyarakatnya, tentulah masyarakatnya itu kerdil dan bersikap menerima sehingga destinasi ditentukan oleh orang lain.

Sampai bila Yatiman mahu protes tanpa falsafah yang tertentu untuk mencari makna kehidupan?

Mungkin jawapannya ialah pada sajak *AKAN KUCARI* yang rentaknya lebih lunak (*mellowed*) untuk menginsafi betapa setiap keadaan memerlukan “pengenalpastian” punca masalah (*identifying source of problem*). Sajak ini memperlihatkan bermulanya kematangan Yatiman yang tanpa perlu protes atau anti-establishment untuk membetulkan perilaku masyarakatnya:

*akan kucari  
pengertian yang terlepas  
ketika main sembunyi-sembunyi  
kerana di tiap tempat  
ada sisa kehadiran  
yang bisa bicara  
tentang jalan yang disembunyikan  
di balik kerudung  
dipanggil kemanusiaan*

*demi malam-malam yang menyakitkan  
akan kucari juga  
pengertian yang hilang  
di kaki zaman*

Sajak di atas yang ditulisnya pada 1979. Ketika ini, Yatiman berusia 33 tahun. Latihan sebagai wartawan dan pengalamannya yang ditimba hasil kerjaya ini mungkin mendorongnya lebih objektif dalam menilai sebab dan akibat. Dalam pada itu, terdapat perubahan dalam masyarakatnya yang cuba dipelajari dengan rasa pengertian yang insaf.

Sajak-sajak Yatiman sebagai wartawan memang ketara memperlihat pengaruh kerjaya tetapnya ke atas pengkaryaannya. Contoh paling menonjol ialah *SEBUAH KAMAR KACA*.

*sebuah kamar kaca  
sebuah kerusi dan sebuah meja  
jadi temanku yang paling setia  
di perutmu  
aku menghitung-hitung langkah yang paling sangsi  
kerja editor ini  
bisa jadi pemukul canang yang paling bisu  
atau penyanggah yang paling buta  
atau pengangguk yang paling dusta*

Sajak tadi memperlihatkan dilema seorang editor akhbar dalam menampilkan kebenaran pemberitaan. Ia diperkuat oleh dilemanya dalam *MANA GARISNYA*.

Ini bukan dilema Yatiman seorang. Orang media di dunia ketiga mengalaminya. Imageri kamar kaca itu cukup kuat menunjukkan kepuisan sajaknya walaupun diungkapkan secara berterus-terang.

Orang yang tinggal di rumah kaca itu takut sekali ada orang yang melempar batu. Ini peribahasa Inggeris. Tetapi kedalaman maknanya juga dapat dipakai dalam wacana Melayu.

Sajak mengenai mangsa tragedi letupan gas kapal Greek *SPYROS*, lawatan ke Bangkok yang mengalir di tengahnya *MENAM CHAO PHRAYA* dan seterusnya sajak-sajak yang dikaryakan ketika menuntut di Cambridge meneguhkan anggapan bahawa pengkaryaan puisi Yatiman dipengaruhi oleh ketajamannya sebagai wartawan.

Tetapi apakah kerana latar belakang kerjayanya saja yang senantiasa mempengaruhi Yatiman sebagai penyajak? Sebahagiannya memang

benar. Tetapi beliau juga membuat beberapa eksperimen.

Contoh eksperimennya terdapat pada sajak pendek ala haiku iaitu *KITA PENGUSIR*:

*detik-detik pahit manis akan kepergian  
kita pengusirnya*

Sekali imbas, sajak ringkas ini mudah saja ditafsir bahawa menengang saat manis dan pahit akan orang yang sudah tiada itu bergantung kepada diri kita sendiri. Detik itu datang dan pergi kerana kita lahir yang menentukannya dalam benak kita. Tetapi Yatiman mungkin bermaksud akan hal yang lebih mendalam lagi mengenai erti kerinduan dan perasaan.

Sebagai manusia, Yatiman tidak terlepas daripada pencariananya akan Tuhan, imej Tuhan adalah juga imej kenal diri Melayu. Dalam “Tuhan”, antara lain sewaktu berusia 20 tahun itu, beliau meluahkan kesangsiannya akan nasib dan kudrat:

*tuhan  
wajahmu terlalu didandan  
hingga kau tidak bisa kenal  
sampai engkau mati telanjang*

Tetapi hayatilah pula *METAMORFISIS* (biasanya dieja Metamorfosis) iaitu pinjaman kekata Greek yang bermakna “penjelmaan” atau transformasi bentuk, nilai dan citarasa. Sajak ini sesuai dengan judulnya kerana seolah-olah mengembalikan dialog Socrates, pujangga Greek silam mengenai erti hidup.

*esok bererti sumpah  
berdiri hidup mati  
bergelut bersama pusaran angin  
bergumpal bersama gegaran mega*

Lantas seterusnya Yatiman menyerukan pengabdiannya kepada Tuhan tanpa rasa sangsi dalam “penjelmaan” dirinya:

*kita paut arus membawa arasy  
kita rangkul semangat anak jagat  
dengan jeritan  
la ila ha illallah*

Demikianlah Yatiman berkembang daripada insan protes yang sangsi akan masyarakat dan misinya, kepada manusia yang cuba mengerti perjuangan dan keterbatasannya serta kuasa Ilahi.

Dalam sajak-sajaknya, Yatiman tidak menelurkan saranan untuk mengubati penyakit masyarakatnya. Beliau masih merupakan pemerhati yang lama-kelamaan menebal simpatinya.

Kalaularah sekadar sanggup menghidangkan '74 kuntum puisinya pada antologi ini untuk dua dekad, nyatalah Yatiman tidak prolifik. Betapa pun, puisinya itu dapat berbicara sendiri dengan pilihan kata yang tidak dibikin-bikin, jujur dan akur pada niatnya.

Hendaklah tanpa ulasan ini pun, Yatiman dengan kesibukannya sebagai ahli politik dan pemimpin masyarakat, masih gigih untuk berpuisi.

### Buku

## KESANSENIAUTOLOGI TITIS TINTA

Oleh: ASMIN

Aku lihat ada keresahan dalam jiwanya. aku redahi hakikat ada gugutan dalam fikirannya. Insan kerdil ini melayah fikirannya, mencerna intelegensinya dan menghambur kegelisahannya setelah meredasi hutan kehidupan bersama masyarakatnya yang serba murba.

Ia tahu masyarakatnya begitu lapar. Begitu getar. Lapar ekonomi. Lapar pelajaran. Lapar pekerjaan. Lapar status sosial. Lapar maruah dan lapar pemikir siasat. Ia adalah insan yang penuh ihsan. Ia ihsan pada kelaparan masyarakatnya.

Aku dapat rasakan misi dan visi insan seni ini pada dua keadaan. Pentil dan pentol. ada rakan kita yang mengatakan “Ying” dan “yang”.

Dengan segala keterbatasan ruang, upaya dan lingkungan, juga pada kehadiran fizikalnya, insan seni yang kerdil ini mengeksplotasikan kesemua unsur-unsur pentil tadi sebagai misinya, bagi suatu perlancaran revolusi kesedaran mengarah kepada visinya yang begitu pentol.

Ia mencerna fikiran intelektualnya, mencipta ruang dan peluang yang semulanya terbatas, serta mengeropel tenaga raksasanya, untuk memastikan masyarakatnya bangun bergerak bangun bertindak pada visi pentol yang sama.

Segalanya itu teralir mesra lewat ungkapan kehidupan seninya. Segalanya itu, terakam mampan dalam bait-bait puisi-puisinya. Segalanya itu terikat kuat, tererat pekat pada Kalancaran wacana-wacana yang memikat. Saya ketemukan pengolakan batinnya itu menjadi suatu rangkaian seni dalam Titis Tintanya.

[BUDI PEMERINTAHAN]

Tuhan telah mengamanahkan ciptaan-Nya., yang merupakan ketajaman wawasan pancaindera dalam diri insan kerdil ini. Dia Si pemegang amanah itu dengan penuh sedar menancapkan semangatnya dalam denyutnadi kebangsaannya (nasionalis) yang amat kuat.

[BUKU RUMAH BUDI PEMERINTAH]

Dapat kuraba keketaraannya pabila ia mengatakan:-

di kota

kaum kapitalis di mercu

dari tibanya memerah tenaga anak-anak setia

di bumi subur

peribumi luhur

kini

diaspal meluncur mobil mereka

dari basah peluh

dan darah anak-anak kota

mereka kini gagah berdiri

Dalam nafas yang sama ia amat sinikal, mahu bangsanya menyedari:-

anak zaman melihat sambil mengigit jari

melihat kesenangan ini mereka jadi benci

lantas mereka pun memekik dan memaki  
 inilah perampas  
 inilah pencuri  
 lepas itu anak-anak tercegar di tepi  
 di pinggir pantai desa dan di tengah simpang kota  
 anak-anakku derita senyuman.

Kupetik dari titis Tintanya..... "DIPARIT DESA DI SIMPANG KOTA".

Ada juga pada ketikanya si pemegang amanah itu mengengkari amanahnya. Dalam beberapa keadaan ini, aku lihat ada semacam kegelapan indera seseorang hamba kepada PenciptaNya yang Khalik.

Aku kira Muhammad akan bangkit menangis pabila diperdengarkan kepadanya puisi TUHAN. Walau bagaimanapun, di epilog puisi itu tadi, aku ketemukan, batin si pemegang amanah tawadhus pada amanahnya pabila ia dengan yakin mengatakan:-

di sini nanti  
 mesra terpaniti abadi  
 sampai aku mati

Betapa aku lihat ia tidak manu bersikap nafsu-nafsi dalam hidup berkomunikasi dengan masyarakatnya. Apalah erti nya kalau ia sendiri menongkah dan menawan awan, sedangkan bangsanya sendiri tenggelam menjunam dalam paya dan rawa. Ia langsung menganjurkan dan menarik mereka keluar dari dasar gusar. Dari daerah serba pasrah.

Sekerdil ia sekalipun masih bisa menggugat dan menyarankan REFORMASI. Suaranya lengking:-

bahawa lorong tikuanmu menempak jurang  
 bahawa bidukmu membentur karang-kemarang

*muntanya. Nukui i- xi hukui II  
bahawa nadir hatimu didakapi kebekuan.  
mari ikut aku  
membukar gua tapaan bomoh pawang buncit  
menginjak laui mati orang tuamu  
meragut hati pesemistik  
fatalisma yang mengusap tangkai jantungmu  
kerana  
detik pembangunan telah tiba  
menggilas anak menusu dipangku  
cuma peiar i tanpa henti  
terlepas dari cengkaman mati*

Sering aku lihat gering mendapati para pemimpin hanya sekadar bermodal suara, seru itu seru ini, tanpa mahu turun dari daerahnya ke daerah anak-anak murba pimpinannya agar melakukan apa yang diserukan.

Aku jumpa kegeringan ini pada tintanya, *WASIAH, INTELEKTUAL, POHON DAN TANAH, KONGKONGAN* dan *MANA REGENERASI*.

Dalam melayari kerjaseninya, kita dapat melihat insan ini begitu peka dengan keselilingannya, mengungkapkannya dalam butir-butir perkataan yang tepat, sindiran yang tajam dan bait-bait yang puitis.

Aku tertarik dengan Sungai Mekong yang membicarakan keruntuhan sistem kehidupan manusia, sama seperti Sungai Mekong Latiff Mohidin, tetapi lebih tragis dan simbolik. Ia mengatakan:-

*Sungai Mekong kualamu  
tempat mandi anak pelacur  
dara sunti rahimnya diisi dengan nandah GI  
Rumah Putih  
resepsi agung melimpah ke pinggir jalan*

*dan sebuah sepanduk terentang  
welcome our dearest sons.*

Sewaktu meninggalkan negaranya, anak dagang ini begitu kerap menulis. Sebanyak 12 kuntum puisi ditulisnya dalam jangka waktu tidak sampai empat bulan. Ini menampakkan betapa ia kesunyian dan terasing dan seterusnya membabitkan proses mencari dirinya sendiri. Aku lihat proses ini dalam *ANARKI*, *SOLITARI*, *BEGINI JADINYA* dan *METAMORFISIS*.

Aku terpanah dalam *BEGINIJADINYA*, bila ia merangkaikan bait-bait puitis penuh falsafah:-

*suara dalam angin  
jadi angin  
rasa dalam air  
jadi air  
pasir yang menghempas  
tidak jadi cemeti  
kerana atau pasang terhenti sudah  
jika pujiyo tidak  
tapi enggan bicara.*

Keceluruhannya puisi-puisi *TITIS TINTA*, dapat aku rasakan betapa kuat dan kuatnya ia menggunakan inderanya yang luas sebagai seorang penulis, sebagai penyanyi pendorong dan pengkritik masyarakat. Ia tidak hanya akhir-akhir ini ia mewujudkan dirinya -unsur alamik untuk mengangkatnya menjadi lembaga-lembaga ...

... dan ia juga menggunakan perumpamaan hidupnya sebagai seorang realis.

Malah Titus mengatakan ia adalah seseorang yang gugah manusia

Bangun nicherjan, aku hanya mahu melihat suatu hari nanti kita dapat bangkit dari pembarangan kecelakaan untuk berdiri dan berjari pada kekuatan yang kita gapai sendiri.

Menteri Agama, Menteri Luar Negeri, Menteri Pertanian

Aku ingin melihat insanseni yang kerdil ini, dapat terus mengalirkan tintanya, meski ia berada dalam suasana yang bertali arus. Kali ini daerahnya sudah tentu berlainan. Tintanya mungkin tidak merah lagi. Semangatnya mungkin tidak menerjah lagi. Dan suaranya mungkin akan lebih lunak kerana ia sudah berandam manikam. Ia telah berinai seri. Tetapi aku percaya di hatinya tetap berdetik dengan manik-manik Alhamdulillah.

BERMUSIKAN MUSIK

YANG BERPENGARUH  
BAGAI WATEN PADA RUMAH  
MENDAPATKAN PENGETAHUAN MELALUI MUSIK  
TERSEDIA DENGAN CERDAS  
MENGAKUJI RASA SAMA DALAM  
MENGETAHUAN MELALUI MUSIK  
MENGAKUJI RASA SAMA DALAM  
MENGETAHUAN MELALUI MUSIK  
MENGAKUJI RASA SAMA DALAM

BERMUSIKAN MUSIK MELALUI MUSIK  
BERMUSIKAN MUSIK MELALUI MUSIK  
BERMUSIKAN MUSIK MELALUI MUSIK

BERMUSIKAN MUSIK MELALUI MUSIK  
BERMUSIKAN MUSIK MELALUI MUSIK  
BERMUSIKAN MUSIK MELALUI MUSIK  
BERMUSIKAN MUSIK MELALUI MUSIK  
BERMUSIKAN MUSIK MELALUI MUSIK

*Dicetak oleh: Malaysia Press (Sdn) Berhad, 745/747, North Bridge Road, Singapura 0719.*